

07 MAY 1999

MAHATHIR-PERUNTUKAN

MAHATHIR ARAH PERUNTUKAN DIBELANJAKAN MENGIKUT JADUAL

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengarahkan ketua-ketua setiausaha dan pegawai-pegawai kewangan bagi memastikan prosedur-prosedur birokrasi dilaksanakan dengan cepat supaya peruntukan kepada kementerian-kementerian individu di bawah belanjawan tahun ini dibelanjakan dalam jangka masa yang dibenarkan.

"Kerjasama penuh tuan-tuan diperlukan bagi memastikan bahawa semua projek pembangunan disiapkan mengikut jadual," beliau memberitahu ketua-ketua setiausaha dan pegawai-pegawai kewangan daripada semua kementerian pada satu perjumpaan di sini hari ini.

"Saya memberi jaminan kepada tuan-tuan bahawa dengan keputusan yang perlu, hadiah-hadiah kewangan akan diberikan," kata Dr Mahathir.

Hasil perjumpaan dengan para pegawai itu dilaporkan di dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) di sini.

Sambil menyatakan kebimbangan terhadap kelambatan pelaksanaan projek-projek dengan perbelanjaan peruntukan, perdana menteri berkata sementara kakitangan awam adalah cekap dibandingkan dengan mereka di negara-negara sedang membangun lain, masih terdapat ruang untuk peningkatan.

"Kita membelanjakan 80 peratus daripada belanjawan untuk mentadbir 20 peratus pembangunan dan ini adalah amat tidak cekap," katanya.

Dr Mahathir menegaskan bahawa sementara kerajaan berminat melihat pelaksanaan projek-projek dipercepatkan, ia juga mahu prosedur-prosedur yang betul diikuti dengan semua pembangunan diawasi dengan teliti bagi memastikan pertanggung jawaban.

Pada waktu yang sama, kementerian-kementerian hendaklah memastikan bahawa kontraktor-kontraktor yang dibayar untuk menjalankan projek-projek dibayar mengikut jadual supaya tidak menjejaskan keuntungan mereka dan juga untuk membolehkan mereka mempercepat pembayaran kepada kontraktor-kontraktor kecil, pembekal dan pekerja, katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan telah memperuntukkan RM17.361 bilion bagi tujuan pembangunan tahun ini, tetapi berdasarkan kepada pengalaman sebelum ini, hanya di antara tujuh dan lapan peratus akan dibelanjakan dalam suku pertama tahun ini.

Banyak tugas diperlukan untuk membelanjakan baki 90 peratus lebih itu dalam lapan bulan akan datang dan dengan itu mustahak bagi kementerian-kementerian dan agensi-agensi meningkatkan kecekapan, katanya.

Sepatutnya, sebahagian besar daripada belanjawan itu hendaklah dibelanjakan dalam separuh pertama tahun ini bagi memastikan bahawa kesemua projek dilaksanakan mengikut jadual, dan semua wang yang diperuntukkan dibelanjakan dengan cekap, tambah beliau.

Sementara itu, di dalam satu laporan yang dibentangkan pada mesyuarat hari ini, perbendaharaan menggariskan beberapa kelemahan utama pelaksanaan yang telah menyebabkan kelambatan dalam membelanjakan belanjawan.

Perbendaharaan juga mengakui bahawa kelulusan dan di pihak mereka adalah mengambil masa terlalu lama dan terdapat keperluan untuk mengkaji semula prosedur-prosedur dan peraturan-peraturan tertentu.

Menjawab isu itu, Dr Mahathir berkata kelambatan itu mungkin akibat pelaksanaan yang lambat prosedur-prosedur dan bukan prosedur itu sendiri.

"Prosedur bukanlah diadakan untuk diikuti pada tahap dan sesuka hati seseorang itu. Kita ada orang yang tidak mengambil perhatian kepada masalah

yang terdapat di hadapan. Jika prosedur itu salah, mari kita kajinya," katanya.

Beliau juga menyeru kakitangan awam supaya jangan mengira waktu sahaja dan tinggalkan pejabat pada waktu ditetapkan, tetapi mengambil inisiatif bekerja lebih masa untuk menghabiskan kerja mereka.

-- BERNAMA

AD SA OS